

13 NOV 1998

EON-Servis

PUSAT SERVIS EON TAWAR KONSEP 4 DALAM SATU

IPOH, 13 Nov (Bernama) -- Edaran Otomobil Nasional (EON), syarikat pengedar kereta Proton, merancang menaikkan taraf khidmat pusat jualan dan servis syarikat itu di seluruh negara dengan menawarkan konsep "empat dalam satu."

Pengarah Urusan EON Datuk Adzmi Abdul Wahab hari ini berkata, pusat servis di sini yang merupakan pusat jualan dan servis EON yang terbesar di luar Kuala Lumpur menawarkan empat komponen di bawah satu bumbung.

Berbanding tiga komponen biasa seperti pusat jualan, servis dan alat ganti serta aksesori, EON Ipoh yang dibangunkan di kawasan seluas dua hektar di Jalan Kuala Kangsar dengan kos RM8.56 juta, menawarkan jualan kereta Proton terpakai yang dikendalikan oleh EON Motoria.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas perasmian cawangan pusat servis itu di sini oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, beliau berkata pusat jualan syarikat itu di Johor Baharu dan Kota Kinabalu akan dilengkapi komponen keempat itu tahun depan.

Pusat servis EON itu turut menawarkan perkhidmatan membaiki badan kereta dan mana-mana pemilik kenderaan Proton yang terbabit dalam kemalangan, boleh mendapatkan perkhidmatan di situ, kata beliau.

Sempena perasmian pusat itu, EON menganjurkan Karnival EON Motoria dengan menawarkan potongan harga antara 30 dan 60 peratus bagi peralatan alat ganti dan aksesori Proton serta pemeriksaan kereta percuma sepanjang tiga hari karnival yang berakhir Ahad ini.

Sepanjang karnival itu juga, pembeli kereta baru Proton dan kereta Proton terpakai akan menikmati kadar faedah 7.9 peratus berbanding kadar biasa 8.35 peratus, kata beliau.

Adzmi berkata, Proton Perdana V6, kereta keluaran terbaru Proton yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir semalam turut mendapat sambutan baik dengan 100 buah unit ditempah pelanggan setakat ini.

Sementara jualan pelbagai jenis kereta keluaran Proton yang lain melonjak kepada antara 6,000 dan 7,000 sebulan sejak beberapa bulan kebelakangan ini berbanding 2,300 unit pada Februari, kata beliau.

Menurutnya, peningkatan itu berikutan kelonggaran syarat pembelian kereta oleh kerajaan serta penurunan kadar faedah pinjaman.

-- BERNAMA

LAT NMO